

29 MAY 2002

Mahathir-nasihat/I

NASIHAT DR MAHATHIR UNTUK CEGAH KEMUNCULAN KAWASAN SETINGGAN

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Pihak berkuasa tempatan tidak harus membiarkan mana-mana tanah menjadi kosong untuk mengelak ianya daripada dijadikan kawasan setinggan, kata Datuk Seri Dr Mahathir hari ini.

"Tanah kosong perlu ditanam dengan pokok atau tumbuhan lain supaya orang tidak mendiaminya," kata Perdana Menteri pada sidang berita selepas merasmikan Kongres FIABCI Sedunia 2002 di sini.

Beliau berkata urusan untuk menyelesaikan isu setinggan ini agak sukar kerana ada kalanya kerajaan terpaksa mengambil tindakan yang mungkin dianggap kasar seperti merobohkan rumah haram.

"Kalau kita tidak berbuat demikian, maka kawasan setinggan akan bertambah dan ia merupakan satu ancaman kepada kesihatan selain berkemungkinan terjadinya kebakaran," katanya.

Oleh itu, beliau berharap orang ramai akan faham kenapa kerajaan terpaksa mengambil langkah tegas dalam menyelesaikan masalah itu.

Mengenai langkah pihak-pihak tertentu mempolitikkan langkah tegas kerajaan terhadap setinggan, Dr Mahathir berkata : "Sesetengah orang menjadikan segala-galanya isu politik."

Apa yang cuba dilakukan oleh kerajaan, katanya, adalah untuk kepentingan semua termasuk setinggan sendiri.

Beliau berkata kerajaan telah membina rumah untuk mereka tetapi masih ada yang mahu tinggal di rumah setinggan.

"Mereka lebih gemar tinggal di rumah itu kerana mereka tak perlu bayar cukai dan mereka juga menyewakan rumah mereka," katanya.

Ketika ditanya bilakah masalah mengenai setinggan ini akan dapat diselesaikan, Dr Mahathir berkata: "Kita tutup satu, tempat lain dia buka."

Kepada soalan sama ada masalah mengenai setinggan ini berpunca daripada kurangnya penguatkuasaan, Dr Mahathir berkata tindakan penguatkuasaan boleh menimbulkan masalah kerana ia membuat orang marah.

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan peranan sektor swasta dalam membantu kerajaan menyediakan rumah kos rendah, beliau berkata banyak lagi yang boleh dilakukan oleh pihak swasta.

Mengenai peraturan supaya pemaju memohon awal bagi mendapatkan hak milik strata, yang menimbulkan masalah besar kepada pembeli unit di bangunan tinggi, beliau berkata : "Kita dah ada peraturan, tinggal lagi orang tidak patuhi sahaja. Yang kita perlukan ialah penguatkuasaan."

-- BERNAMA

MAD NM MAM MAI